

11/02/1998

Jangan pisahkan ketupat dan rendang

SEKIRANYA Marco Polo, Magellan, Columbus, Parameswara atau Megat Zaidi boleh membuat capaian dalam talian, dan jika terdapat perkhidmatan Internet pada abad itu, tentu mereka tidak perlu meninggalkan kampung halaman berbekalkan ketupat untuk mengetahui hal dunia.

Tetapi dulu lain... sekarang lain...

Sekarang pula, merakamkan semula sejarah tenggelamnya kapal Titanic dibuat dengan selesa dalam pejabat dan tidak perlu tenggelam timbul di lautan manakala Pendekar Zaidi hanya perlu bermesra dengan (kom)puterinya sambil meratah rendang tok untuk menjelajah ke mana-mana negara Skandinavia atau Timbuktu.

Itulah teknologi maklumat, atau nama manjanya IT. Di hulu dan hilir semua sembang pasal IT. Di radio dan TV, dia orang nyanyi lagu IT. Teknologi maklumat kini tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan harian. IT telah menjadi antara keperluan manusia seperti perlunya cinta, sinar mentari dan udara bersih. Jika dipisah, rosaklah lagu, pincanglah perbualan, termenunglah Hang Zaidi.

Perkembangan IT dewasa ini menimbulkan persaingan sengit antara satu sama lain, tidak kira di peringkat individu mahupun peringkat dunia. Kebanyakan negara di rantau Asean kini telah turut berlari bersama perkembangan pantas IT dan inisiatif kerajaan masing-masing (Fokus Komputer tiga bahagian mulai 21 Januari 1998).

Dalam siri pengembaraannya minggu lepas, pengembara Intel Inside Zaidi Outside mendapati sebahagian besar kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) masih hijau terdampar luas terbentang, dengan alam sekitar yang belum tercemar. Itulah kawasan yang bakal menjadi bukti segala perancangan agenda IT yang telah dicanai (tidak seperti roti) selama ini akan mula bersinar, memandangkan projek mega negara itu kini menjadi ikutan negara lain.

Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) untuk membentuk masyarakat mulia, pembangunan infrastruktur maklumat dan pembangunan aplikasi, segala riak kecil yang dijana selama ini perlu digerakkan menjadi gelombang. Dan inilah tahunnya untuk kita menongkah ombak ke gelombang.

Persidangan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang bermula hari ini diharap akan menjadi landasan penting menterjemahkan hala tuju MSC (berita muka satu) dalam pada membuka peluang terbaik meneliti dan membincangkan perkembangan terbaru dunia IT serta isu kritikal sejagat berkaitan revolusi maklumat.

Negara memang memerlukan gabungan pendapat dan pandangan serta kerjasama 41 anggota IAP ini untuk menjayakan MSC memandangkan tiada siapa yang mampu membuat ramalan tepat kesan revolusi maklumat kepada masyarakat akibat Internet serta aliran semasa dan teknologi yang bergerak pantas.

Walaupun 15 daripada 41 anggota yang dilantik hadir diri di persidangan kedua ini, diharap pandangan mahu pun kritikan daripada wakil 26 anggota yang lain akan turut diterima dengan baik kerana memang mudah untuk kita melenting jika dicubit, apa lagi bukan daripada orang yang disayangi.

Tauke Bill Gates, tidak hadir kali ini mungkin kerana kesibukan seperti Bill Clinton dan Bil Perbendaharaan Amerika Syarikat. Maklum saja semua yang bernama Bill di sana terlalulah amat sibuknya waktu ini...

Dalam pada kerajaan menyediakan landasan yang kukuh demi masa depan

generasi akan datang, eloklah kita semua, tidak kira si Ana, si Ani atau si Anu tu... memberi komitmen yang tinggi dalam menyokong usaha kerajaan menerapkan budaya IT serta pada meningkatkan usaha mengguna dan menguasai IT.

CPU: Atasi kegelapan maklumat dengan sinaran pelita panjut.

(END)